

hamba muslim atau hamba mu'min³⁰ berwudhu' dengan membasuh mukanya, maka keluarlah daripada mukanya segala kesalahan (dosa) yang dilihat dengan kedua matanya bersama-sama air atau bersama-sama titisan terakhir air atau (ucapan) seumpama itu.³¹

Berbeza dengan sanad pertama, kerana ia menggunakan lafaz tahdits (حدثنا) untuk meriwayatkan hadits. Selain dari faktor di atas, Ma'an bin 'Isa merupakan salah seorang murid utama Imam Malik. Sebagai murid utama, riwayat Ma'an memiliki nilai yang tersendiri. Kerana itulah riwayatnya diutamakan. Ini juga sebenarnya merupakan salah satu faktor yang diambil kira oleh 'ulama'-'ulama' hadits dalam menerima dan memberi nilai kepada sesuatu hadits. Kalau begitu dapatlah disimpulkan bahawa bagi Tirmizi dan sebilangan besar tokoh-tokoh 'ulama' hadits yang lain, penentu dan penambah nilai bagi sesuatu hadits itu bukanlah semata-mata terletak pada jumlah perawinya yang sedikit (السند العالي). Jumlah perawi yang lebih ramai (السند النازل) juga bukan semestinya akan membuatkan sesuatu hadits lebih rendah kedudukannya. Dalam sesetengah situasi, jumlah perawi yang lebih ramai boleh membuatkan sesuatu hadits itu lebih bernilai. Antara sebabnya ialah kerana keadaan perawi-perawinya disepakati para 'ulama' daripada segi ketinggian kedudukan dan ketsiqahan mereka. Berdasarkan kepada alasan-alasan seperti itulah Imam Tirmizi telah mengambil keputusan untuk mengutamakan riwayat yang *naazil* daripada riwayat yang *aali*.

³⁰ Nabi s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang hamba muslim atau mu'min berwudhu'..." Perkataan العبد (hamba lelaki) di sini bukan memberi erti hamba dalam ertikata sebenarnya, iaitu yang boleh dijual beli, dimiliki dan sebagainya. Apa yang dimaksudkan oleh Baginda s.a.w. di sini ialah seseorang muslim atau mu'min semata-mata. Tidak kira sama ada dia seorang hamba atau seorang merdeka, seorang lelaki atau seorang perempuan. Perkataan أو pula pada asalnya boleh memberi erti sama ada: (1) للتوبيخ (untuk mempelbagaikan), atau (2) للترديد (untuk menyatakan ketidakpastian) atau (3) للشك (untuk menyatakan syak). Ternyata berdasarkan *qarinah haaliyyah* bahawa أو di sini semestinya dipakai dengan erti syak. Mengikut qaedah periwayatan hadits, jika terdapat kalimah أو dengan erti syak, hendaklah ditambahkan lafaz قال selepas daripadanya. Oleh yang demikian ketika membaca atau meriwayatkan hadits ini perlulah dibaca dengan tambahan sebagai berikut: إذا توضأ العبد المسلم أو قال المؤمن (قال) dan seterusnya. Berdasarkan qaedah ini terjemahan hadits tersebut dengan pengertian sepenuhnya adalah; Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang hamba muslim atau (Baginda s.a.w. bersabda:) hamba mu'min...." Terdapat syak perawi di sini sama ada Baginda s.a.w. menyebutkan muslim atau mu'min. Walaupun lafaz muslim dan mu'min itu tidak jauh berbeza daripada segi pengertiannya, namun demi mengekalkan amanah ilmiah dalam menyampaikan sesuatu hadits, perawi-perawi hadits perlulah meriwayatkannya dengan cara demikian. Setiap hadits akan diriwayatkan tanpa mengubah atau meninggalkan walaupun satu perkataan sepertimana diterima. Semua ini ditetapkan demi menjaga keutuhan dan kelangsungan lafaz hadits.

³¹ Perkataan أو (atau) yang tersebut di dalam ayat ini juga للشك (untuk menyatakan syak). Ertinya ialah di sini juga terdapat syak perawi. Oleh kerana salah seorang perawi bagi hadits ini tidak pasti yang mana satu telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah sebagai kata-kata Rasulullah s.a.w., dia meriwayatkannya dengan menyatakan syak dan keraguannya tentang lafaz hadits sebenar yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Semua ini dilakukan atas dorongan amanah ilmiah dan demi menjaga ketulenan sabda Rasulullah s.a.w.

Apabila dia membasuh kedua belah tangannya, keluarlah daripada kedua belah tangannya itu segala kesalahan (dosa) yang dilakukan dengannya bersama-sama air atau bersama-sama titisan terakhir air,³² sehingga dia keluar dalam keadaan suci bersih daripada dosa-dosa.³³

³² Terdapat beberapa kemusykilan di dalam hadits ini yang memerlukan penjelasan. **Pertamanya** ialah anggota wudhu' yang disebutkan sebagai terbabit di dalam riwayat ini hanyalah muka dan tangan sahaja. Bagaimana dengan anggota-anggota wudhu' yang lain? Jika diselidiki kitab-kitab hadits, niscaya akan diketemukan hadits-hadits yang hampir sama, tetapi tersebut juga di dalamnya anggota-anggota wudhu' yang lain seperti telinga, kaki, hidung dan lain-lain. Hadits-hadits tersebut juga menyebutkan perkara yang sama, iaitu dosa-dosa akan keluar bersama titisan air basuhan anggota-anggota tadi sama sepertimana hadits ini. Salah satu daripada hadits-hadits itu adalah hadits berikut: وَحَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ الصَّنَابَحِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا تَوَضَّأَ الْعَبْدُ الْمُؤْمِنُ فَتَمَضَّمْ مِنْ خُرْجَتِ الْخَطَايَا مِنْ فِيهِ وَإِذَا اسْتَنْشَرَ خُرْجَتِ الْخَطَايَا مِنْ أَنْفِهِ فَإِذَا غَسَلَ وَجْهَهُ خُرْجَتِ الْخَطَايَا مِنْ وَجْهِهِ حَتَّى تَخْرُجَ مِنْ تَحْتِ أَظْفَارِ عَيْنَيْهِ فَإِذَا غَسَلَ يَدَيْهِ خُرْجَتِ الْخَطَايَا مِنْ يَدَيْهِ حَتَّى تَخْرُجَ مِنْ تَحْتِ أَظْفَارِ يَدَيْهِ فَإِذَا مَسَحَ بِرَأْسِهِ خُرْجَتِ الْخَطَايَا مِنْ رَأْسِهِ حَتَّى تَخْرُجَ مِنْ أَذُنَيْهِ فَإِذَا غَسَلَ رِجْلَيْهِ خُرْجَتِ الْخَطَايَا مِنْ رِجْلَيْهِ حَتَّى تَخْرُجَ مِنْ تَحْتِ أَظْفَارِ رِجْلَيْهِ قَالَ ثُمَّ كَانَ مَشْيُهُ إِلَى الْمَسْجِدِ وَصَلَاتُهُ نَافِلَةً لَهُ. Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang hamba mu'min yang mengambil air sembahyang berkumur, keluarlah kesalahan-kesalahan (dosa-dosa) dari mulutnya. Apabila dia menghembuskan air dari hidungnya, keluarlah kesalahan-kesalahan (dosa-dosa) dari hidungnya. Apabila dia membasuh mukanya, keluarlah kesalahan-kesalahan (dosa-dosa) dari mukanya, sehingga ia keluar dari bawah kedua birai matanya. Apabila dia membasuh kedua tangannya, keluarlah kesalahan-kesalahan (dosa-dosa) dari dua tangannya itu, sehingga ia keluar dari bawah kuku-kuku kedua belah tangannya. Apabila dia menyapu kepalanya, keluarlah kesalahan-kesalahan (dosa-dosa) dari kepalanya, sehingga ia keluar dari kedua belah telinganya. Apabila dia membasuh kedua kakinya, keluarlah kesalahan-kesalahan (dosa-dosa) dari kedua kakinya, sehingga ia keluar dari bawah kuku-kuku kedua belah kakinya." Baginda s.a.w. bersabda (lagi): "Kemudian perjalanannya ke masjid dan sembahyangnya mendatangkan pahala yang lain pula kepadanya." (Hadits riwayat Malik. Hadits ini diriwayatkan juga oleh Muslim, Ahmad, Nasaa'i, Ibnu Majah, at-Thabaraani, Haakim dan lain-lain). Melihat kepada riwayat Malik di dalam Muwattha' ini, dapatlah kiranya disimpulkan bahawa riwayat Malik yang dikemukakan oleh Tirmizi di atas adalah satu riwayat ringkas (رواية مختصرة). Perbezaan dalam pemerincian anggota-anggota wudhu' yang terbabit sebenarnya tidaklah menjadi suatu isu dalam hal ini. Kerana hadits-hadits itu saling melengkapi satu sama lain. Apa yang patut diberikan keutamaan adalah Nabi s.a.w. di dalam hadits ini telah memberitahu tentang kelebihan wudhu', di mana ia dapat membersihkan jiwa dan roh seseorang, berikutan keluarnya dosa-dosa dan juga kesan-kesan buruk daripada kesalahan-kesalahan yang telah dilakukannya. Pada umumnya setiap orang mengetahui cara membersihkan kekotoran zahir yang terkena pada badan dan pakaian, namun tiada siapa tahu bagaimanakah cara untuk membersihkan hati dan roh. Nabi s.a.w. menjelaskan melalui hadits di atas bahawa dengan berwudhu' - sama ada dengan tujuan untuk bersembahyang ataupun tidak - jiwa seseorang dapat dibersihkan dan digilap kembali. Wudhu' itu sendiri diberikan keistimewaan oleh Allah mempunyai khasiat menggugurkan dosa-dosa. **Kedunya** ialah apakah yang

dimaksudkan dengan gugur atau keluar dosa-dosa dari anggota-anggota itu? Ini kerana gugur atau keluar biasanya dikaitkan dengan sesuatu yang berjirim atau sesuatu yang boleh dilihat. Bagaimana pula ia dikaitkan dengan dosa yang bukan merupakan benda berjirim dan ia pula tidak dapat dilihat dengan mata? Bukankah dosa itu dikategorikan sebagai suatu عرض (sifat)? Jadi apakah maksud sebenar Rasulullah s.a.w. bersabda begitu? Beberapa pendapat para 'ulama' telah dinukilkan di dalam kitab-kitab sebagai hasil reaksi dan jawapan mereka kepada kemusykilan ini. Antara lainnya adalah seperti berikut: (1) Menurut Qadhi 'Iyaadh, Ibnu al-'Arabi, as-Suyuthi dan ramai lagi tokoh-tokoh hadits yang lain, apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan kata beliau, "Keluirlah dosa-dosa" itu ialah diampunkan segala dosanya (أي غفرت له كل خطيئة). Maksud sebegini boleh diperolehi apabila dikatakan isnad خرجت kepada كُلُّ خطيئة itu adalah *isnad majazi*. Dalam *Isnad majazi* ma'na sebenar bagi sesuatu perkataan tidak dimaksudkan. (2) Ibnu al-'Arabi juga berpendapat, sebenarnya terdapat *pembuangan mudhaf* (مجاز الحذف) di dalam hadits ini. Beliau mentafsirkan maksud "Keluirlah dari mukanya segala kesalahan" itu dengan "Keluirlah kesan-kesan segala dosa dari mukanya." (خرج من وجهه أثر كل خطيئة). Kesan yang dimaksudkan adalah sepertimana yang tersebut di dalam satu hadits lain bahawa apabila seseorang melakukan dosa, akan timbullah satu bintik hitam di hatinya. Bila bertambah dosanya, bertambahlah pula bintik-bintik hitam itu. Lama kelamaan hatinya penuh dengan bintik-bintik hitam seperti itu, sehingga ia jadi berkarat. Kesan dosa yang dilakukan seseorang juga kadangkala ternyata di wajahnya. Kesan tersebutlah yang dimaksudkan Nabi s.a.w. akan hilang apabila seseorang berwudhu' sebagaimana disebutkan di dalam hadits ini. (3) Syah Waliyyullah dan as-Suyuthi di dalam salah satu pendapatnya yang lain pula mentafsirkannya dengan maksud dosa-dosa itu memang betul-betul keluar dari muka dan lain-lain anggota wudhu', tetapi mereka mengaitkannya dengan 'alam mitsal bukan dengan 'alam musyahadah (alam nyata). Bagi mereka, sesuatu yang merupakan *a'raadh* (sifat) atau abstrak (niskala) di 'alam musyahadah ada jisimnya yang tertentu di 'alam mitsal. Kalau disingkapkan (dikasyafkan) 'alam mitsal kepada seseorang, dia akan dapat melihat bentuk-bentuk *a'radh* atau *mujarradaat* (apa-apa yang abstrak) dalam bentuk jisim-jisim tertentu. Orang biasa pun boleh mengalaminya dalam mimpi. Banyak sekali contoh-contoh berkaitan 'alam mitsal terdapat di dalam hadits-hadits. Antara lainnya ialah kisah Saiyyidina Umar yang bermimpi beliau meminum sisa susu di dalam suatu bekas yang telah diminum oleh Baginda s.a.w., sehingga susu yang diminumnya itu merembes keluar melalui liang-liang romanya. Nabi s.a.w. mentafsirkan mimpi itu dengan lautan ilmu yang akan diperolehi Sayyidina Umar daripada Baginda. Ilmu adalah suatu *'aradh*. Gambarnya di 'alam mitsal adalah susu. Bukankah susu itu berjirim dan berjirim? Begitu juga rupa dunia di 'alam mitsal digambarkan sebagai perempuan. Jika seseorang bermimpi melihat perempuan maka bererti ia akan menghadapi dunia. Mimpi adalah tempat di mana sesuatu *'aradh* atau sesuatu yang abstrak menzahirkan bentuknya. Kerana itulah kebanyakan mimpi tidak boleh dita'bir berdasarkan apa yang zahir kelihatan. Malah perlu sekali diketahui terlebih dahulu apakah bentuk sesuatu *'aradh* atau sesuatu yang abstrak itu di 'alam mitsal, supaya sesuatu mimpi dapat dita'bir dengan tepat. Bagi Syah Waliyyullah, hadits ini menggambarkan keadaan di 'alam mitsal, maka seharusnya ia dilihat dengan memakai kaca mata 'alam mitsal juga. Keluar dosa seseorang yang berwudhu' itu adalah dinisbahkan kepada 'alam mitsal. Ia bukan dinisbahkan kepada 'alam musyahadah. **Ketiganya** adalah berkaitan dengan dosa-dosa yang diampunkan kerana berwudhu' itu. Lafaz hadits menyebutkan bahawa segala kesalahan (dosa) akan gugur atau diampun. Adakah ia

memberi erti termasuk dosa-dosa besar sekalipun? Zahir hadits menunjukkan seolah-olah dosa-dosa itu sangat mudah terampun. Dengan mengambil wudhu' sahaja akan lenyap dan hilanglah segala dosa yang dilakukan seseorang, meskipun ia tidak berniat langsung agar dosanya diampun. Apakah kedudukan sebenar perkara ini semudah itu? Para 'ulama' telah mengemukakan beberapa pandangan berhubung dengan maksud sebenar sabda Rasulullah s.a.w. ini. (1) Sesetengah 'ulama' berpendapat dosa yang terampun itu hanyalah dosa-dosa kecil sahaja. Ia tidak meliputi dosa-dosa besar. Walaupun Nabi s.a.w. telah menggunakan lafaz *kullu* (segala) sebelum perkataan kesalahan atau dosa. Ini kerana perkataan al-muslim atau al-mu'min yang disebutkan oleh Nabi s.a.w. di dalam hadits membayangkan pengertian suatu peribadi yang tidak terlibat dengan dosa-dosa besar, lantaran sifat muslim atau mu'min seseorang itu akan menegahannya daripada melakukan dosa-dosa besar. Maka segala kesalahan atau dosa yang dilakukan oleh seseorang muslim atau mu'min walaupun ada, tidak lebih daripada dosa-dosa kecil sahaja. Gambaran yang lebih kurang sama dengan yang diberikan oleh hadits ini, boleh anda dapati di dalam firman Allah s.w.t. yang akan dikemukakan nanti dan hadits-hadits yang lain. Di dalam Surah an-Nisa ayat 31 Allah s.w.t. berfirman:

إِنْ تَجْتَنِبُوا كَبَائِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نَكْفُرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَنُدْخِلْكُمْ مُدْخَلًا كَرِيمًا ۖ

Bermaksud: Jika kamu menjauhi dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami (Allah) akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa-dosa kecil) kamu dan Kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga). (An-Nisaa': 31). Mafhumnya ialah dosa-dosa kecil itu akan diampunkan bilamana seseorang itu berusaha menjauhi dosa-dosa besar. Nabi s.a.w. juga ada bersabda: "الصلوات الخمس والجمعة إلى الجمعة كفارات لما بينهن ما لم تغش الكبائر" Bermaksud: "Sembahyang lima waktu dan sembahyang Jumaat hingga kepada Jumaat yang seterusnya adalah penghapus dosa-dosa yang dilakukan di antaranya, selagi dosa-dosa besar tidak dilakukan." (Hadits riwayat Tirmizi, Ibnu Hibbaan, Ibnu Khuzaimah, Ahmad, Baihaqi dan lain-lain). Kalau sembahyang lima waktu yang dikerjakan secara berterusan, dan dua kali sembahyang Juma'at yang tentunya dikerjakan dalam keadaan berwudhu' itu pun hanya dapat menghapuskan dosa-dosa kecil sahaja dengan syarat dosa-dosa besar dijauhi, bagaimana wudhu' semata-mata akan dapat menghapuskan dosa-dosa besar? Inilah salah satu jawapan yang diberikan oleh alim 'ulama' dalam menjawab persoalan dan kemusykilan tadi. Bagi mereka pengampunan dosa yang dimaksudkan di dalam hadits Abu Hurairah di atas, hanyalah melibatkan dosa-dosa kecil. Sementara untuk diampunkan dosa-dosa besar, perlulah dipenuhi prasyaratnya iaitu dengan bertaubat. (2) Namun pandangan ini masih tidak dapat memuaskan hati semua 'ulama'. Sebahagian mereka enggan menerimanya sebagai jawapan yang mu'tamad. Malah mereka menimbulkan pula persoalan, bagaimana keadaannya kalau seseorang itu tidak lagi menanggung dosa-dosa kecil? Dosa yang mana pula yang akan gugur bersama-sama air sembahyangnya? Mengikut penilaian dan perkiraan golongan 'ulama' ini, apabila dosa-dosa kecil tidak lagi didapati pada seseorang, dosa yang akan gugur bersama air sembahyangnya adalah dosa-dosa besar, walaupun proses penghakisan dosa-dosa besar itu berlaku sedikit demi sedikit dan agak perlahan berbanding dosa-dosa kecil. Bagi mereka, ini adalah salah satu keistimewaan besar yang ada pada wudhu'. Dosa besar yang hilang melalui jalan taubat merupakan satu kelebihan taubat. Kelebihan sebegitu juga telah ditetapkan dapat diperolehi melalui wudhu', meskipun perlu melalui proses pembersihan dosa-dosa kecil terlebih dahulu. Tidakkah terlalu istimewa fadhilat

wudhu', jika hanya dosa-dosa kecil sahaja yang akan terampun. Selain itu bukankah Rasulullah s.a.w. sendiri di dalam hadits ini menegaskan segala dosa keluar atau terampun dengan wudhu'? Baginda s.a.w. tidak mengecualikan dosa besar dan tidak pula mengkhususkan sabdanya itu dengan dosa-dosa kecil semata-mata. (3) Darjat kebajikan dan kejahatan yang dilakukan manusia itu tidak sama. Sesuai dengan firman Allah:

إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ السَّيِّئَاتِ

Bermaksud: Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik (amalan-amalan kebajikan) itu menghapuskan (dosa) perbuatan-perbuatan yang buruk. (Huud: 114).

Maka adalah wajar kalau setiap amalan kebajikan dapat menghapuskan dosa yang sepadan dengannya. Tidak kira sama ada dosa kecil atau besar. Amalan kebajikan yang kecil dapat menghapuskan kejahatan atau dosa kecil yang sepadan dengannya. Amalan kebajikan yang besar pula dapat menghapuskan kejahatan atau dosa besar yang sepadan dengannya. Soal air sembahyang, adakah ia dapat menghapuskan dosa-dosa besar juga, perlulah diruju' kepada hadits-hadits Nabi s.a.w. (4) Dosa-dosa tidak kira kecil mahupun besar, pada hakikatnya terhapus dengan taubat. Apa yang gugur bersama-sama titisan air sembahyang itu hanyalah kesan-kesan atau daki-daki dosa yang terlekat pada anggota-anggota wudhu' sahaja. (5) Penulis pula mempunyai pandangan yang tersendiri. Pada pendapat penulis, wudhu' atau air sembahyang itu sendiri sudah merupakan suatu bentuk taubat. Oleh yang demikian pengguguran dosa itu akan merangkumi sama ada dosa kecil mahupun dosa besar. Apa yang membezakannya adalah niat ketika seseorang mengambil wudhu'. Jika hanya sekadar berwudhu' semata-mata, maka yang akan terhapus hanyalah dosa-dosa kecilnya. Tidak yogia dosa-dosa besar juga boleh terampun dengan niat yang sangat bersahaja itu. Tetapi jika hadir kesedaran di dalam hati seseorang untuk bertaubat ketikamana wudhu' dilaksanakan, ia sebenarnya sudahpun mempunyai kelayakan untuk diterima Allah s.w.t. Dalam hal ini pandangan sesetengah pihak yang mengatakan dosa besar hanya akan terhapus melalui taubat yang khusus sahaja adalah kurang tepat. Apalagi persepsi orang ramai bahawa untuk bertaubat seseorang itu perlu menyendiri dalam gelap sambil menitikkan air mata dengan penuh penyesalan. Air sembahyang pun sudah memadai bagi menghapuskan dosa besar jika ia disertakan dengan keinginan bertaubat setulus hati, disertai pula 'azam (ketekadan) untuk tidak mengulangnya di samping menyesal atas dosa yang telah dilakukan. Pandangan yang diutarakan ini bukanlah diungkap tanpa sebarang sandaran. Jika diperhatikan, falsafah dan hikmat sebenar wudhu' itu adalah untuk membersihkan kekotoran yang ada pada seseorang, sama ada zahir atau batin. Berlandaskan tujuan itulah kita dianjurkan oleh Nabi s.a.w. supaya berdoa begini selepas berwudhu': **اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ**. Bermaksud: Ya Allah! Jadikanlah daku salah seorang dari kalangan orang-orang yang bertaubat dan jadikanlah daku salah seorang dari kalangan orang-orang yang bersuci. (Hadits riwayat Tirmizi, Baihaqi, Ibnu Hibbaan, Haakim, Ibnu Abi Syaibah, Ibnu as-Sunni dan lain-lain). Di dalam doa ini tidak sekadar kesucian zahir sahaja yang dipinta, taubat juga disertakan bersama. Doa ini menunjukkan dua bentuk kesucian yang dipohonkan; suci zahir dengan berwudhu', mandi wajib dan sebagainya dan suci batin dengan bertaubat, beristighfar dan sebagainya. Wajar sekali kalau dianggap doa seumpama ini diajarkan oleh Nabi s.a.w. untuk mencetuskan di dalam pemikiran umatnya kesedaran tentang amalan berwudhu' juga pada hakikatnya merupakan satu